

Maqis perlu tambahan kakitangan

Susulan terbongkar daging sejuk beku tidak halal yang diimport

Oleh ZULHISHAM ISAHAK


ISKANDAR PUTERI

Pembongkaran daging sejuk beku tidak halal yang diimport, dibungkus semula dan dilabelkan sebagai halal untuk pasaran tempatan menyaksikan terdapat keperluan mendesak untuk pertambahan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis).

Timbalan Pengarah Maqis, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar berkata, pada masa ini jabatan tersebut dianggotai 467 pegawai yang bertanggungjawab menjaga 57 pintu masuk negara di Semenanjung.

"Kita memang ada masalah sebab pegawai kita tidak ramai untuk periksa kemasukan barang di pintu masuk. Kita mohon pertambahan lebih 100 perjawatan baharu tahun lalu.

"Baru-baru ini 82 perjawatan telah diluluskan. Terima kasih kepada kerajaan, namun jumlah itu masih kurang daripada keperluan jabatan ketika ini," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Sultan Abu Bakar



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) menyertai pemeriksaan dijalankan Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, Iskandar Puteri pada Sabtu malam.

dekat sini Sabtu malam.

Laporan khas *Sinar Harian* pada 1 Disember lalu mendekah serbuan diketuai Maqis di sebuah gudang di Skudai di sini yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum dibungkus semula serta diletakkan logo halal palsu.

Hasil risikan Maqis, kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku dan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label serta cap palsu, kemudiannya akan ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Tindakan itu dibuat bagi meyakinkan pemborong di Malaysia kononnya bekalan daging sejuk beku itu diperoleh dari negara yang dibenarkan pengimportannya sebelum diedarkan

untuk pasaran tempatan.

Azhari Sharidan berkata, kekurangan itu amat ketara contohnya penguatkuasaan yang di Pelabuhan Klang hanya melibatkan 24 anggota yang menyelia sekitar 400 kontena sehari dan jumlah tersebut tidak mencukupi.

Katanya, keperluan untuk menambah anggota menjadi lebih penting kerana pemeriksaan Maqis juga tertumpu kepada barang import yang melibatkan penggunaan kontena sejuk beku seperti daging dan ikan.

"Ini kerana produk terabbit diklasifikasikan sebagai barang berisiko tinggi terutamanya daging kerana produk terabbit hanya boleh diimport dari loji yang mendapat kelulusan Jabatan Veterinar dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya.